

Kolej PERMATA Insan di USIM siap Januari

» *Pembinaan projek bernilai RM68j ikut jadual*

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bh.com.my

Bandar Baru Nilai

Kompleks Kolej PERMATA Insan yang dibina di kawasan seluas empat hektar di kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, dijangka siap sepenuhnya, Januari depan.

Pengarah kolej berkenaan, Dr

Nik Salida Suhaila Nik Saleh, berkata projek yang dibangunkan melalui dua fasa bernilai RM68 juta itu menepati jadual pembinaan, malah sebahagian kemudahan berkenaan mula digunakan sejak Januari lalu.

"Pembangunan projek Fasa 1 iaitu asrama lelaki, blok maklumat digital dan kemudahan pelajar siap pada 12 Januari lalu dan sudah digunakan oleh kumpulan pertama 50 pelajar kolej yang mendaftar masuk awal tahun ini.

"Projek Fasa 2 yang sedang dilaksanakan merangkumi blok pentadbiran, blok pembelajaran dan pengajaran (P&P), asrama perempuan, dewan serba guna, de-



Kompleks Kolej PERMATA Insan di kampus USIM, Nilai.

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]

wan makan dan Pusat Al-Abraz," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Empat komponen penting

Kolej PERMATA Insan adalah projek 'Sekolah dalam Kampus' yang unik dengan kurikulum berkonsepkan integrasi ilmu naqli dan aqli dengan empat komponen penting iaitu Modul Pintar al-Quran dan al-Sunah, Modul Bahasa Arab, Modul Bahasa Inggeris dan Modul Pembangunan Insaniah.

Program ini adalah antara

Program PERMATA yang dinaungi isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Mengulas lanjut, Nik Salida Suhaila, berkata proses permohonan pihaknya untuk menjadi Institusi Pendidikan Bantuan Kerajaan (IPBK) kini pada peringkat akhir kelulusan Kementerian Pendidikan.

Katanya, Kolej PERMATA Insan yang mempunyai 13 pensyarah, tujuh guru tasmī' al-Quran dan lima kakitangan pentadbiran akan memohon status sebagai Se-

kolah Berasrama Penuh (SBP) seperti Sekolah PERMATA Pintar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dalam perkembangan berkaitan, Nik Salida Suhaila, berkata 18 pelajar kolej itu dipilih oleh Apple Malaysia ke Persidangan Kepemimpinan Pendidikan Islam 2015 di Putrajaya awal bulan ini untuk menunjukkan kemahiran menghasilkan bahan pembelajaran interaktif dalam versi bahasa Melayu, Inggeris dan Arab, selain tulisan Jawi.